



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 7. BILANGAN 8.

BANDAR BRUNEI, RABU 18 APRIL, 1962. (13 Zulka'edah 1381).

PERCHUMA

2 USUL DAN 5 RANG UNDANG2 DI-LULUSKAN

PUTERA2 DI-RAJA BALEK DARI MALAYA

BERAKAS. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanah Bolkihah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mohamed Bolkihah, putera2 kepada Duli2 Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Raja Isteri telah selamat kembali ke-Brunei dari Persekutuan Tanah Melayu pada tengah hari Ahad yang lalu untuk

tiga orang putera2 Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemanha, ia-itu Pengiran Anak Yusuf, Pengiran Anak Ja'afar dan Pengiran Anak Puteh; dua orang putera2 Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim ia-itu Awangku Yura Laila dan Awangku Yura Halim serta Awangku Kamarul-



Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un, Menteri Besar, Brunei (kiri sa-kali) kelihatan mengucapkan selamat kembali ke-Tanah Ayer kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Brunei di-lapangan terbang Berakas pada tengah hari Ahad yang lalu pada masa Putera2 Diraja Brunei itu kembali ke-Tanah Ayer dari Malaya untuk menyempurnakan kelepasan persekolahan. Bilangan ke-dua dari kiri ia-lah Y.T.M. Duli Pengiran Pemanha.

menyempurnakan kelepasan persekolahan.

Putera2 Duli2 Yang Maha Mulia tersebut telah di-iringi oleh Panglima Asgar Haji Abdullah dan Tuan Haji Japar bin Bujang.

Turut kembali ke-Brunei bersama2 dengan putera2 Duli2 Yang Maha Mulia ia-lah dua orang putera2 Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara ia-itu Pengiran Anak Abdul Rahman dan Pengiran Anak Apong;

zaman putera kepada Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud.

Di-antara ramai orang yang datang ke-lapangan terbang Berakas untuk menyambut Putera2 Diraja tersebut ia-lah Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemanha; Menteri Besar Brunei Dato Setia Marsal bin Ma'un, Ahli2 Majlis Meshuarat Diraja, Kerajaan dan Negeri Brunei serta Ketua2 Pejabat Kerajaan Brunei.

Di-Persidangan Majlis Meshuarat Negeri

BANDAR BRUNEI. — Majlis Meshuarat Negeri Brunei, dalam persidangan-nya yang telah di-adakan di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada hari2 Ithnin 16 April dan Thalatha 17 April telah meluluskan dua usul Kerajaan yang telah di-kemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, Dato Setia Marsal bin Ma'un, bagi menyediakan tambahan belanjawan perkembangan bagi tahun 1961 dan 1962.

Tambahan sa-banyak \$20,468,998 telah di-benarkan bagi belanjawan sa-banyak 24 perkara yang termasuk belanja Pertadbiran, Hal Ehwal Ugama dan Kerja Raya.

Jumlah wang ini akan di-tambah kepada baki yang telah disediakan pada tahun 1961 sa-banyak \$15,002,638.

Jumlah wang yang telah ditetapkan bagi tahun 1961 sa-banyak \$35,471,636 adalah sa-bahagian dari rancangan perbelanjaan yang telah di-luluskan dalam tahun 1961 yang berjumlah sa-banyak \$94,783,890.

Usul yang kedua ia-lah tambahan wang sa-banyak \$13,562,286. Wang ini ada-lah tambahan bagi perbelanjaan yang di-tetapkan sa-banyak \$22,502,717 di-tunda dari baki dalam tahun 1961 yang sudah pun di-luluskan untuk di-belanjakan dalam tahun ini atas beberapa perkembangan kemajuan.

Majlis Meshuarat Negeri itu telah membahaskan tiga usul yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Inche A.M. Azahari pada hari Ithnin yang lalu dan telah menolak semua usul2 itu.

Yang Berhormat Inche A. M. Azahari telah mengemukakan satu usul lagi dalam persidangan Majlis Meshuarat Negeri ke-4. Usul itu juga telah ditolak oleh persidangan itu sa-telah di-adakan perbahathan.

Usul2 yang telah di-kemukakan oleh Inche A. M. Azahari berbunyi:

1. "Majlis Meshuarat Negeri yang bersidang hari ini memutuskan menuntut Kerajaan Seri Baginda mengadakan satu dasar pelajaran yang berchorak kebangsaan dan yang menguntungkan bagi anak2 negeri yang sesuai

dengan kemajuan dunia dewasa ini".

2. "Majlis Meshuarat Negeri yang bersidang hari ini memutuskan dan menuntut Kerajaan Seri Baginda menyelenggarakan satu Pengakuan Sejarah yang sa-benar-nya yang mengakui bahawa Kerajaan Maulana Al-Sultan Brunei berdaulat diseluruh Kalimantan Utara dalam abad yang lalu".

3. "Majlis Meshuarat Negeri yang bersidang hari ini memutuskan dan menuntut Kerajaan Seri Baginda supaya memberikan dermasiswa sa-banyak2-nya terhadap anak2 Negeri Brunei".

4. "Majlis Meshuarat Negeri yang bersidang hari ini memutuskan dan menuntut Kerajaan Seri Baginda supaya menyediakan pekerjaan2 bagi anak2 yang telah lulus penggal terakhir dari Sekolah2 Melayu sa-bagaimana sangat banyak terdapat masa ini mereka tidak punya pekerjaan".

Persidangan tersebut telah meluluskan 5 Rang Undang2, ia-itu Undang2 Kesalahan2 Pilehan Raya, 1962; Undang2 Lalu Lintas Jalan Raya (Pindaan), 1962; Undang2 Surohanjaya Penyiasatan, 1962; Undang2 (Pindaan) Imigresen, 1962 dan Undang2 (Pindaan) Bank, 1962.

Ucapan2 penanggoahan telah di-lafadzkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Brunei, Dato Setia Marsal bin Ma'un; Yang Berhormat Inche Shahbudin bin Saleh; Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Limbang; Yang Berhormat Inche A.M. Azahari dan Yang Berhormat Haji Ghazali bin Umar.

Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal telah mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud, Speaker, Majlis Meshuarat Negeri Brunei yang telah memimpin persidangan itu dengan bijaksana serta juga mengucapkan tahniah kepada enam orang ahli2 baharu Majlis Meshuarat Negeri itu.

BULAN BAHASA DI-BRUNEI AKAN DI-LANCHARKAN

BANDAR BRUNEI. — Bulan Bahasa Kebangsaan sa-bagai gerakan kedua dalam langkah Kerajaan untuk menggalakkan pemakaian bahasa Melayu kepada penduduk2 negeri ini akan di-lancharkan mulai awal bulan July hadapan sesuai dengan maksud Perlembagaan Negeri Brunei merasmikan bahasa Melayu sa-bagai bahasa kebangsaan yang tunggal di-negeri ini.

Ini, telah di-umumkan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, Yang Berhormat Tuan Haji Md. Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Umar.

Bulan Bahasa yang akan di-lancharkan ini terbahagi kepada dua peringkat. Peringkat pertama di-lancharkan pada tiap2 da'erah dan peringkat kedua di-lancharkan seluruh negeri.

Sa-bagaimana Minggu Bahasa tahun yang lalu, Bulan Bahasa ini juga akan di-adakan dengan berbagai2 rancangan yang pada pokok-nya :

◆ Menyatakan keazaman Kerajaan menjadikan bahasa Melayu bahasa rasmi di-negeri ini, sesuai dengan maksud Perlembagaan ; dan

◆ Hendak melanjutkan lagi usaha2 mendorong keinsafan di antara ra'ayat negeri, khusus-nya yang bukan Melayu dan menggalakkan lagi perkembangan dan penggunaan-nya serta mengukuhkan semangat dan keyakinan

terhadap bahasa Melayu.

Satu Jawatan Kuasa Pusat yang bertanggung jawab untuk melancharkan Bulan Bahasa ini akan di-bentuk yang terdiri dari :

Yang Berhormat Haji Md. Jamil bin P.U.K. Haji Umar, Pengarah Bahagian Bahasa dan Pustaka (Pengerusi); Inche' Umar bin Muhammad, Pengelola Darjah Orang2 Dewasa dan Bahasa Melayu di-sekolah2 asing (Setia Usaha); Inche' Ahmad bin Kadi (Pembantu Setia Usaha); Inche' Abdul Ghani bin Hassan, Pegawai Daerah Brunei/Muara; Yang Berhormat Pengiran Ahmad bin Pengiran Anak Haji Md. Yassin, Pegawai Daerah Tutong.

Yang Berhormat Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abd. Rahim, Pegawai Daerah Belait; Inche' Aabidin bin Abd. Rashid, Pegawai Daerah Temburong; Inche' Md. Salleh bin Abd. Kadir, Pemangku Timbalan Pengarah Jabatan Siaran

Radio dan Penerangan, Brunei; Pg. Jaya bin Pg. Haji Rajid, Pengelola Pulis Brunei; Inche' Ahmad bin Abd. Aziz, Jurutera Negara, Brunei; Inche' Koh Kim Peng, Sharikat Perniagaan China; inche' P.A. Coates, Sharikat Minyak Shell Brunei dan Pehin Dato Temenggong Lim Cheng Choo.

"Kita berharap, kalau Minggu Bahasa yang telah kita adakan dahulu sedikit sa-banyak beroleh kejayaan dalam pelaksanaan sesuai dengan maksud Perlembagaan itu, maka tidak mustahil bahawa Bulan Bahasa ini juga akan beroleh kejayaan sa-bagaimana yang kita harap2kan," kata Yang Berhormat Tuan Haji Md. Jamil. — AT.

SARJAN TALIP

BERAKAS. — Sarjan Talip bin Ali dari Pasokan Pulis Brunei telah berlepas ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada 11 April untuk berkhidmat sa-bagai Penolong Pelatih kepada bakal2 Pulis Brunei di-Pusat Latihan Pulis Diraja Persekutuan Tanah Melayu, Kuala Lumpur.

Di-antara ramai orang yang datang ka-lapangan terbang Berakas untuk mengucapkan "Selamat ka-Malaya" kepada Sarjan Talip ia-lah O.C.P.D. Brunei, Superintendent Pulis Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid, serta beberapa orang Pegawai dan anggota2 Pulis dari Kuala Belait, Seria dan Bandar Brunei.

H.I.B. SEKOLAH MELAYU BIANG

BIANG. — Satu temasha sambutan Hari Ibu Bapa kali yang ke-11 bagi Sekolah Melayu Biang, Temburong telah di-langsungkan pada 10 dan 11 April yang lalu di-sini.

Berbagai2 acara telah di-adakan dua hari berturut2 di-temasha tersebut, antara-nya termasuklah permainan di-ayer, malam anika warna dan gendang Melayu baru yang penari2-nya terdiri dari anak2 kampung itu sendiri.

Yang Berhormat Inche Shahbudin bin Saleh, Nazir Sekolah2 Melayu Temburong sa-bagai wakil dari Jabatan Pelajaran, Brunei telah berkata bahawa kemajuan sa-sabuah sekolah itu sa-bahagian besar-nya ada-lah terpicul di-bahu ibu bapa dan begitu juga kemajuan sa-sabuah negara ada-lah tergantung ka-

pada perpaduan ra'ayat-nya.

Dalam ucapan-nya sa-telah menyampaikan hadiah2 kepada yang berjaya di-temasha sukan darat beliau telah memuji kecekapan dan penghormatan murid2 itu.

Inche Shahbudin telah juga minta kerjasama dari penduduk2 Biang untuk melancharkan kerja pilehan raya yang akan di-adakan tidak berapa lama lagi.

Yang Dipertua sambutan Hari Ibu Bapa, Sekolah Melayu Biang, Inche Abd. Ghani bin Haji Taim dalam ucapan-nya telah berkata bahawa ibu bapa di-sini telah menyedari betapa penting-nya pelajaran di-sisi manusia hari ini.

Inche Umar bin Kamis Guru Besar, Sekolah Melayu B' telah mengucapkan terima seh kepada para ibu bapa, dermawan2, Jabatan Siaran Radio dan Penerangan dan ahli2 jawatankuasa yang telah memberi kerjasama mereka pada melancharkan sambutan Hari Ibu Bapa itu.

Hadiah2 kepada pasokan2 yang terbaik telah di-sampaikan oleh Yang Mulia Orang Kaya Gimang Anak Pariat. — A.A.

Wakil2 Brunei Ka-Seminar Bahasa

BANDAR BRUNEI. — Tiga orang dari Jabatan Pelajaran bahagian Bahasa dan Pustaka telah berlepas ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada petang hari Juma'at yang lalu untuk menghadiri Seminar Bahasa dan Sastera yang di-adakan pada 15 hingga 18 April 1962.

Mereka itu ia-lah Inche' Umar bin Muhammad, Inche Ibrahim bin Md. Said dan Inche' Ahmad bin Kadi.

Turut berlepas ka-Kuala Lumpur bersama2 dengan rombongan itu ia-lah tiga orang pekerja2 Sharikat Minyak Brunei Shell yang menghadiri seminar itu atas nama masing2.

Mereka itu ia-lah Inche' Abdul Aziz bin Malim, Inche' Kudus bin Ismail, dan Inche' Akun bin Harinen.

Seminar Bahasa dan Sastera itu akan membincangkan beberapa perkara yang keseluruhannya mengkaji beberapa faktor mengenai bahasa, antara-nya :

- ◆ Bahagian Sastera: Penghasilan dan Kemajuan Sastera; Pengajian dan Pengajaran Sastera.
- ◆ Bahagian Buku2 Pelajaran Sekolah; dan
- ◆ Bahagian Buku2 Pengetahuan.

Yang Berhormat Tuan Haji Md. Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Omar, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Negeri Brunei ia-lah di-antara orang ramai yang datang ka-lapangan terbang Berakas pada petang itu untuk mengucapkan selamat berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu kepada wakil2 tersebut.



Yang Berhormat Inche Shahbudin, Nazir Sekolah2 Melayu Daerah Temburong kelihatan dalam gambar atas sedang menyampaikan hadiah kepada sa-orang murid yang berjaya di-temasha sukan Hari Ibu Bapa Sekolah Melayu Biang yang telah di-adakan pada 10 dan 11 April dan gambar bawah kelihatan beberapa orang dewasa sedang mengambil bahagian dalam lomba lari dalam guni di-temasha tersebut.

Wakil2 Kementerian Kebudayaan Singapura Melawat Brunei

BANDAR BRUNEI. — Inche Yap Yan Hong dan Inche A. Kajapathy, dua orang pegawai dari Kementerian Kebudayaan Singapura telah melawat ka-Brunei baharu2 ini untuk menetapkan persediaan2 bagi lawatan rombongan kebudayaan Singapura ka-negeri ini.

Mereka telah tiba dari Kuching dengan kapal terbang pada 7 April dan telah berangkat ka-Jessellton dengan kapal terbang pada tengah hari Ithnin 9 April.

Kenyataan Surohanjaya Pilehan Raya Brunei

BANDAR BRUNEI. — Satu kenyataan dari Surohanjaya Pilehan Raya Brunei yang di-terbitkan pada 12 April, 1962 berkata bahawa daftar2 pengundi untok kawasan2 pendaftaran bagi kawasan2 pilehan Ahli Majlis Meshuarat Daerah bagi seluruh Negeri Brunei telah pun siap.

Salinan2 daftar itu dapat di-periksa di-rumah2 atau di-balai2 penghulu, ketua2 kampong dan Bilek2 Bachaan Pejabat Penerangan di-Bandar Brunei, Tutong, Kuala Belait dan Temburong pada waktu2 hari bekerja mulai dari hari Ithnin 16 April, 1962 sa-hingga hari Ahad 6 May, 1962.

Kenyataan itu berkata bahawa tujuan untok menunjokkan daftar2 pengundi tersebut kepada orang ramai ia-lah untok membolehkan orang2 yang berkelayaan membuat tuntutan2 dan bantahan.

Sa-kira-nya sa-saorang yang berkelayaan sa-bagai pengundi dan sa-saorang yang telah memohon untok mendaftarkan diri pada waktu yang di-jalankan usaha menyemak dan nama-nya tidak terchatet di-dalam daftar pengundi, maka orang itu boleh-lah menuntut supaya nama-nya di-chatetkan di-dalam daftar tersebut.

Dalam hal yang sademikian, pengundi2 itu hendak-lah menggunakan "Borang C" yang boleh di-dapati dengan perchuma dari pegawai pendaftar masing2 dan kirimkan sa-mula borang yang telah di-penohkan itu kepada pegawai itu pada atau sa-belum 6 May, 1962.

Sa-kira-nya ada orang2 yang memerlukan bantuan dalam membuat tuntutan itu, maka mereka boleh-lah berhubung dengan pegawai pendaftar bahagian masing2.

DAYANGKU ROHANA BALEK DARI PULAU PINANG

BERAKAS. — Dayangku Rohana binti Pengiran Kerma Indra, sa-orang "Staff Nurse" di-Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei telah kembali dari Persekutuan Tanah Melayu pada hari Sabtu yang lalu kerana berchuti sa-lama dua minggu.

Dayangku Rohana telah berangkat ka-Pulau Pinang dalam bulan November tahun lalu untok mengambil kursus "Health Sister" di-Rumah Sakit Besar, Pulau Pinang sa-lama sa-tahun.

Kenyataan itu berkata lagi bahawa tidak lama sa-lepas 6 May, 1962, maka satu sinarai dari

orang2 yang menuntut supaya nama mereka di-chatetkan dalam daftar yang telah di-semak itu akan di-tunjukkan kepada orang ramai di-Pejabat Pendaftar.

Jika nama sa-saorang itu ada terchatet di-dalam daftar, maka ia di-bolehkan membantah sa-ba-

rang orang yang mengemukakan tuntutan supaya nama-nya di-chatetkan dalam daftar yang telah di-semak itu.

Berhubung dengan perkara tersebut, hendak-lah sa-saorang itu menggunakan "Borang D" dan kirimkan sa-mula borang yang telah di-penohkan itu kepada pegawai pendaftar tidak lewat dari 13 May, 1962.

Sa-kira-nya ada orang yang tidak tahu siapa-kah Pegawai Pendaftar-nya, sila-lah bertanya kepada Pejabat Penerangan atau Pejabat Pilehan Raya.

Keterangan2 yang lanjut mengenai hal2 tersebut boleh-lah di-dapati dari Pejabat Pilehan Raya, Brunei.

Kerja2 Kosong:

PELUKIS

BANDAR BRUNEI. — Permohonan2 ada-lah di-jemput bagi jawatan Pelukis (Artist) di-Jabatan Siaran Radio dan Penerangan Kerajaan Brunei, dengan tingkatan gaji \$240.00 — \$330.00 sa-bulan.

Pemohon2 hendak-lah mempunyai kelayakan dan pengalaman dalam berbagai bahagian lukis melukis;

Tamat sa-kurang2-nya Darjah V Sekolah Melayu dan Form II Ingeris; dan

Di-peranakan di-Negeri Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-isi di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-sampaikan kepada Setia Usaha Kerajaan tidak lewat dari 30 April, 1962.

"JUNIOR TECHNICAL SUBORDINATE"

BANDAR BRUNEI. — Permohonan2 ada-lah di-jemput bagi jawatan Junior Technical Subordinate di-Jabatan Siaran Radio dan Penerangan Kerajaan Brunei, dengan tingkatan gaji \$183 hingga \$300 sa-bulan.

Pemohon2 hendak-lah mempunyai kelayakan dan pengalaman, dan mesti berkelulusan sa-kurang2-nya Form II Sekolah Ingeris atau mempunyai pengalaman dalam Technical; dan

Pemohon mesti-lah ra'ayat Sultan Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-isi di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-sampaikan kepada Setia Usaha Kerajaan tidak lewat dari 30 April, 1962.



Satu temasha pertunjukan "Tattoo", atau pertunjukan aneka rupa perbarisan di-waktu malam telah di-edakan oleh Pasokan2 Polis di-pedang K.B.R.C. Kuala Belait pada malam 5 April, 1962. Pasokan2 yang mengambil bahagian dalam temasha itu ia-lah Pasokan Polis Brunei; Pasokan Polis Simpanan Penchegah Rusohan, Brunei; Pasokan Polis Diraja Persekutuan Tanah Melayu dan Pasokan Polis Sukarela, Brunei, serta Pencheragam Polis, Brunei. Berbagai achara telah di-edakan di-temasha itu. Di-antara tetamu2 khas yang turut menyaksikan temasha tersebut ia-lah Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Kamarulzaman; Timbalan Setia Usaha Kerajaan Brunei merangkap Pengarah Jabatan Radio dan Penerangan Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Peguam Negara Brunei, Yang Berhormat Dato Abdul Aziz bin Haji Mohamed Zain; Pegawai Daerah Belait, Yang Berhormat Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Y.B. Tuan Haji Mohd. Jamil dan lain2-nya. Dalam gambar2 ini kelihatan Pemangku Pasurohjaya Polis Negeri Brunei, Inche David Forrer (atas — penjuru kiri) memberi ucapan di-temasha tersebut dan dua pemandangan temasha itu.

PUSAT-PUSAT PEMADAM API DI-KAMPONG AYER

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Perkhidmatan Bomba, Brunei sekarang telah mengadakan 26 buah pusat pemadam api yang mempunyai peralatan di-seluruh Kampong Ayer, Brunei.

Tiap2 pusat pemadam api itu ada-lah di-lengkapkan dengan alamat kebakaran sa-kira-nya kebakaran berlaku.

Ia-nya juga di-lengkapkan dengan alat2 pemadam api, tong2 ayer yang boleh menyimpan 40 galon ayer, serta beberapa buah baldi, sa-bilah kapak besar dan sa-batang pengait bumbong rumah yang panjang-nya 6 kaki

untok mengait bumbong yang terbakar.

Baldi2 yang di-sediakan pada tiap2 pusat pemadam api itu, boleh di-gunakan oleh penduduk2 Kampong Ayer bagi melawan kebakaran.

Kebakaran itu dengan mudah dapat di-kawal sa-kira-nya penduduk2 Kampong Ayer dapat mengikut chara2 yang di-beri-

kan kepada mereka oleh Pegawai Perkhidmatan Bomba, Brunei.

Ada-lah di-harapkan agar penduduk2 Kampong Ayer akan dapat memelihara pusat2 pemadam api yang telah di-sediakan itu dan hendak-lah sentiasa berjaga2 sa-kira-nya kebakaran berlaku.

Jabatan Perkhidmatan Bomba, Brunei akan menjalankan pemereksaan2 yang di-jadualkan untok menentukan bahawa alat2 pemadam api itu berada dalam keadaan yang baik.

SIARAN RADIO BRUNEI — BAH

Rancangan Siaran Radio Brunei bahagian Melayu dari Studio2 di Bandar Brunei dan Kuala Belait mulai dari 18 hingga 28 April, adalah seperti di bawah ini:

RABU — 18 APRIL, 1962.

BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Hiboran
12.43 Hiboran Perbincangan — Nakaman BBCTS London — (S.U.).
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Ruangan Apa Khabar—(S.U.)
2.00 Rehat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Hiboran
7.15 Latar Belakang — BBCTS London
7.30 Pancharagam Tentera/Police Lagu2 Perminta'an Suka Ramai Di-sampaikan Oleh: Dk. Intan
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.43 CHERITA Pendek — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohd.
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Bunga Rampai Indonesia
12.00 Studio Orkest
12.30 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Lagu2 Hiboran
4.43 Latar Belakang — BBCTS
5.00 Lagu2 Irama Joget
5.15 Rayuan Guitar
5.30 Lagu2 Hiboran Rampaian
6.00 Siaran Melayu Tammat

KHAMIS — 19 APRIL, 1962.

BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Lagu2 Nyanyian Elly
12.43 Sain dan Perusahaan — (S.U.)
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Lagu2 Tanpa Nyanyian
1.30 Majallah Radio — (S.U.)
2.00 Rehat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Bacha'an Al-Koran
7.15 Kuru's Al-Koran — Oleh: Haji Khalidi
7.30 Lagu2 yang berirama pelahan
8.00 Sejarah Islam
8.15 Lagu2 Melayu Asli
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Tafsir Al-Koran — Ustaz Salleh Hj. Abd. Majid
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai: Di-sampaikan Oleh: Zainab Zainal Abidin
12.00 Perkembangan Ilmu — Pengetahuan — (V.O.A.)
12.15 Lagu2 Rampaian
12.30 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Lagu2 Melayu Asli
4.43 Pelajaran Tinggi Di-Britain (BBCTS London)
5.00 Permainan Hiboran Tempatan (S.U.)
5.30 Lagu2 Padang Pasir
5.45 Bacha'an Ayat Suchi Al-Koran. Di-terbitkan Oleh: Pgn. Mohammad
6.00 Siaran Melayu Tammat

JUMA'AT — 20 APRIL, 1962.

BANDAR BRUNEI

Siaran Pagi
9.00 Selamat Sejahtera
9.02 Bacha'an Al-Koran
9.15 Selingan
9.30 Pelajaran Ugama Di-Udara
9.45 Sharahan Ugama

10.10 Hiboran
10.15 Rengkas Berita
10.20 Mengisi Masa
10.30 Rehat
Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Mimbar Islam — Sambahyang Juma'at Di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Selepas itu diikuti dengan lagu2 Masir.
1.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.45 Lagu2 Irama Pelahan
2.00 Rehat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Dondang Sayang — (Radio Singapura)
7.15 Sandiwara Radio — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohammad
8.00 Lagu2 Perminta'an Sukaramai — Di-terbitkan Oleh: Dk. Intan
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Hiboran Akhir
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Hiboran
11.45 Pelajaran Tinggi Di-Britain (BBCTS London)
12.00 Rancangan Ugama — Di-terbitkan Oleh: Pgn. Mohammad
12.30 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Hiboran
4.50 Majallah Sain dan Perusahaan (BBCTS London)
5.00 Lagu2 Paduan Suara
5.30 Aneka Lagu2 Melayu Instrumental — Di-terbitkan Oleh: Zainab Zainal Abidin
5.45 Lagu2 Masri
6.00 Siaran Tammat

SABTU — 21 APRIL, 1962.

BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Hiboran
12.45 Penyer dan Hasil Karya — (S.U.)
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Lagu2 Perminta'an Kaum Wanita Di-terbitkan Oleh: Othman Kamaruddin
2.00 Rehat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Pilehan Juru Hebah
7.15 Bahasa dan Kesusastra'an (S.U.)
7.30 So'alan Di-Udara — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohd.
7.45 Lagu2 Pertandingan Akhir — Bintang Radio 1962
8.15 Selingan
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Lagu2 Hiboran
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Hiboran Rampaian
11.50 Majallah Sain dan Perusahaan (BBCTS London)
12.00 Hiboran Irama Ranchak
12.30 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Hidangan Aneka Seni Irama
4.45 Majallah Melalui Udara (V.O.A.)
5.00 Studio Hiboran
5.30 Hidangan Lagu2 Perminta'an Sukaramai
6.00 Siaran Melayu Tammat

AHAD — 22 APRIL, 1962.

BANDAR BRUNEI

Siaran Pagi
9.00 Selamat Sejahtera
9.02 Senandung Pagi
9.15 Ruangan Masak2kan
9.30 Ruangan Apa Khabar — Di-terbitkan Oleh: Adnan Hj.

Hassan
10.15 Rengkas Berita
10.20 Suntungan Rancangan Mingguan
10.30 Rehat
Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Hiboran Rampaian
12.45 Tinjauan Di-Pasar — Di-terbitkan Oleh: Othman Kamaruddin
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Asohan Wanita
1.30 Hiboran Dari Studio (Pancharagam Tempatan)
2.00 Rehat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Hiboran
7.15 Majallah Radio — Di-terbitkan Oleh: Othman Kamaruddin
7.45 Hiboran (Instrumental)
8.00 Dewan Wanita — Di-terbitkan Oleh: Dk. Mariam
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Hiboran
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Aneka Lagu2 Irama Lautan Tedoh Oleh: Pgn. Mohd.
11.45 Simposium Di-Udara — (BBCTS London)
12.00 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai — Oleh: Zainab Zainal Abidin
12.30 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Hiboran Dari Filem
5.00 Halaman Perbincangan — (BBCTS London)
5.15 Irama Amerika Selatan
5.30 Senandung Lagu Ku — Oleh: Zainab Zainal Abidin
6.00 Siaran Melayu Tammat

ITHNIN — 23 APRIL, 1962.

BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Lagu2 Nyanyian: Rokiah
12.45 Latar Belakang — BBCTS
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Hiboran
1.30 CHERITA Pendek — (S.U.)
1.45 Pilehan Juru Hebah
2.00 Rehat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Lagu2 Hamzah Dolmat
7.15 Penyer dan Hasil Karya
7.30 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai Di-sampaikan Oleh: Dk. Intan
8.15 Sain dan Perusahaan — (BBCTS London)
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Hiboran Malam
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Lagu2 Bunga Rampai Melaya Hidangan Juru Hebah
12.00 Laporan Suara Amerika — (VOSTS)
12.15 Hiboran Accordian — Kudian Oleh Pgn. Mohd.
12.30 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Lagu2 Irama Langgam — Hidangan Juru Hebah
4.45 Halaman Perbincangan — (S.U.)
5.00 Lagu2 Rampaian
5.15 Tablo Di-Udara — Dua Minggu sekali di-terbitkan Oleh: Pgn. Mohd.
5.30 Irama Instrumental Lautan Tedoh
5.45 Hiboran Rampaian
6.00 Siaran Melayu Tammat

THALATHA — 24 APRIL, 1962.

BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Lagu2 Nyanyian S. Abdullah
12.45 Laporan Pandangan Mata — (V.O.A.)
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Lagu2 Amerika Selatan
1.30 Asohan Wanita — (S.U.)
1.45 Hiboran Penutup
2.00 Rehat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Hiboran
7.15 Meninjau Sambil Lalu — Di-terbitkan Oleh: Dk. Intan
7.45 Lagu2 Pertandingan Akhir Bintang Radio 1962
8.15 Pantang Larang Orang Tua2 — Dahulu — Di-terbitkan Oleh: Abu Bakar Ahmad
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Hiboran Malam
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Lagu2 Hiboran
11.45 Permainan Hiboran Tempatan Oleh: Zainab Zainal Abidin
12.15 Lagu2 Hiboran
12.30 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Laporan Suara Amerika — VOATS — (S.U.)
4.45 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai — Di-sampaikan Oleh: Pgn. Mohd.
5.30 Latar Belakang — (BBCTS London)
5.45 Buaian Alam — Oleh: Zainab Zainal Abidin
6.00 Siaran Melayu Tammat

RABU — 25 APRIL, 1962.

BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Hiboran Tengah Hari
12.45 Majallah Melalui Udara — (V.O.A.)
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Ruangan Apa Khabar — (S.U.)
2.00 Rehat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Hiboran
7.15 Latar Belakang — BBCTS London
7.30 Pancharagam Tentera/Police Lagu2 Perminta'an Sukaramai Di-sampaikan Oleh: Dk. Intan
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 CHERITA Pendek — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohd.
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Lagu2 Bunga Rampai Indonesia
12.00 Latar Belakang — (BBCTS London) (S.U.)
12.15 Lagu2 Rampaian
12.30 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Pilehan Hiboran Saya — Para Pendengar Pengirim Lagu2 Kegemaran Nya — dan Di-siarkan Oleh: Pgn. Mohd.
5.00 Perkembangan Ilmu Pengetahuan — (VOATS)
5.15 Ruangan CHERITA Pendek — (S.U.)
5.30 Irama Aneka Senandung — Oleh: Zainab Zainal Abidin
6.00 Siaran Melayu Tammat

KHAMIS — 26 APRIL, 1962.

BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera

12.32 Lagu2 Nyanyian Adi
12.45 Science dan Perusahaan —
(S.U.)
1.00 Tanda Waktu dan Warta
Berita
1.15 Lagu2 Tanpa Nyanyian
1.30 Majallah Radio — (S.U.)
2.00 Rehat

Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Bacha'an Al-Koran
7.15 Kursus Al-Koran — Di-
sampaikan Oleh: Hj. Khalidi
7.30 Lagu2 Irama Pelahan
8.00 Sejarah Islam
8.15 Lagu2 Melayu Asli
8.30 Tanda Waktu dan Warta
Berita
8.45 Tafsir Al-Koran — Oleh:
Ustaz Salleh bin Hj. Abd.
Majid
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Lagu2 Permintaan Suka-Ra-
mai — Di-sampaikan
Oleh: Zainab Zainal Abidin.
12.00 Perkembangan Ilmu Pengeta-
huan — VOATS
12.15 Lagu2 Rampaian
13.00 Rehat

Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Lagu2 Melayu Asli
4.45 Pelajaran Tinggi Di-Britain
(BBCTS London)
5.00 Permainan Hiboran Tempatan
(S.U.)
5.30 Lagu2 Padang Pasir
5.45 Bacha'an Ayat Suchi Al-
Koran — Di-terbitkan
Oleh: Pgn. Mohd.
6.00 Siaran Melayu Tammat

JUMA'AT — 27 APRIL, 1962.

BANDAR BRUNEI

Siaran Pagi
9.00 Selamat Sejahtera
9.02 Bacha'an Al-Koran
9.15 Selingan
9.30 Pelajaran Agama Di-Udara—
Di-sampaikan Oleh: Ustaz
Salleh bin Hj. Abd. Majid
9.45 Sharahan Agama
10.00 Hiboran
10.15 Rengkas Berita
10.20 Mengisi Masa
11.00 Rehat

Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Mimbar Islam — Sambahyang
Juma'at Di-Masjid Omar Ali
Saifuddin, Selepas itu di-Ikuti
dengan lagu2 Masir.
1.30 Tanda Waktu dan Warta
Berita
1.45 Lagu2 Irama Pelahan
2.00 Rehat

Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Dondang Sayang —
(Radio Singapura)
7.15 Sandiwara Radio — (S.U.)
8.00 Lagu2 Permintaan Suka Ra-
mai — Di-sampaikan Oleh:
Dk. Intan
8.30 Tanda Waktu dan Warta
Berita
8.45 Hiboran Akhir
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Lagu2 Hiboran
11.45 Pelajaran Tinggi Di-Britain
(S.U.)
12.00 Ranchangan Agama — Di-
terbitkan Oleh: Pgn. Mohd.
12.32 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Hiboran Rampaian
4.30 Majallah Sain dan Perusaha-
'an (BBCTS London)
5.45 Lagu2 Masir
5.00 Lagu2 Paduan Suara

5.30 Aneka Lagu2 Melayu
Instrumental
5.45 Lagu2 Masir
6.00 Siaran Melayu Tammat

SABTU — 28 APRIL, 1962
BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Hiboran
12.45 Penyer dan Hasil Karya —
(S.U.)
1.00 Tanda Waktu dan Warta
Berita
1.15 Lagu2 Pertandingan Akhir
Bintang Radio 1962
1.45 Hiboran
2.00 Rehat

Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.01 Pilehan Juru Hebah
7.15 Halaman Perbincangan —
BBCTS
7.30 Kamusilan Tuan2 — Di-ter-
bitkan Oleh Abd. Wahab
Mohd.
7.45 Persembahan Dean Opera Co.
Orkest
8.00 Kronchong Orkest — Raka-
man Radio Singapura
8.30 Tanda Waktu dan Warta
Berita
8.45 Hiboran Malam Ahad
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Hiboran Rengan dan Gembira
11.50 Majallah Sain dan Perusaha-
'an — BBCTS (S.U.)
12.00 Lagu2 Permintaan Sukaramai
— Di-sampaikan Oleh:
Zainab Zainal Abidin
12.30 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Suntangan Lagu2 Sumetra
4.45 Tetamu Kita — Para Pende-
ngar Di-Jemput ka-Studio
untuk Memilih lagu2 Kege-
maran-nya Diterbitkan Oleh:
Zainab Zainal Abidin
5.15 Simposium Di-udara—BBCTS
5.30 Hidangan Aneka Senandung—
Oleh: Pgn. Mohd.
6.00 Siaran Melayu Tammat

RATU AIDIL FITRI



Dayangku Zubaidah

Dayangku Zubaidah binti Pengiran
Damit telah memenangi gelaran sa-
bagai "Ratu Chantek Aidil Fitri".
Pertandingan itu telah di-adakan di-
Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin,
Kuala Belait tidak berapa lama da-
hulu di-bawah anjuran Persatuan
Gerakan Masyarakat Pemuda Pemuda,
Kuala Belait dengan mendapat sem-
butan yang baik dari kalangan pe-
mudi2 tempatan.

JURU UKEBUDAYAAN BALEK 71

BERAKAS. — Juru Ukur N-
gara, Brunei Inche Abdul Waha-
bin Haji Daud yang telah tiba di-
Brunei dalam bulan December
tahun lalu sa-bagai pegawai pin-
jaman dari Kerajaan Persekutuan
Tanah Melayu untuk berkhidmat
dengan Kerajaan Brunei, telah
berlepas ka-Persekutuan Tanah
Melayu dengan kapal terbang da-
ri lapangan terbang Berakas pada
petang hari Ithnin 9 April kera-
na berchuti atas nasehat doktor.

Turut menghantar beliau dan
keluarga-nya di-lapangan terbang



Gam-
hab (c)
bar den,
Azam Lin
Setia Usah.
(bilangan 4 dari
rapi orang Pek-
Brunei di-bangunan
bang Berakas sa-belum
keluarga berangkat ka-Pr-
Tanah Melayu.



Inche Zaini bin Haji Ahmad dan Inche Mohan Awasty Pegawai2 Dewan Belia
Antara Bangsa dari Brunei telah menghadiri persidangan perwakilan Dewan2
Belia Antara Bangsa dari beberapa buah negara di-Australia dalam bulan March
tahun ini. Inche Zaini (kanan) dan Inche Awasty (kiri) kelihatan dalam gambar
ini sedang berchakap dengan Inche A.J. Fraser dari Australia. — Gambar
"AUSTRALIAN NEWS AND INFORMATION BUREAU".

PERTANDINGAN AKHIR BINTANG RADIO BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Per-
tandingan akhir Bintang Radio
Brunei Tahun 1962 akan di-ada-
kan di-sabua pentas khas
di-Bandar Brunei pada malam 29
April, 1962.

Biduan2 dan biduanita2 yang
telah di-pilih untuk masuk ber-
tanding di-temasha pertandingan
tersebut ada-lah saperti di-
bawah ini:

Daerah Brunei: Bahagian le-
laki — M.S. Bakri, M. Noordin
dan A.T. Ahmadi. Bahagian wa-
nita — Dayangku Mariah binti
Pengiran Ahmad, Asiah Siraj dan
Hamidah Sharbini.

Daerah Temburong: Bahagian
lelaki — M. Bakri dan P. Tajud-
din. Bahagian wanita — Tam-
bah Besar dan Aminah Timbang.

Daerah Tutong: Bahagian le-
laki — H.M. Allen dan Adnan
Jais. Bahagian wanita — Nor-
sinah Othman dan Armah Akip.

Daerah Seria/Belait: Baha-
gian lelaki — Mohamed Zain
Othman dan Adnan Pawie. Ba-
hagian wanita — Dayangku Iring
binti Pengiran Mohamed Said
dan S. Mahani.

Pertandingan tersebut akan di-
mulai pada pukul delapan malam.

PERSEMBAHAN ROMBONGAN KEBUDAYAAN

SINGAPURA DI-BRUNEI



Pon Bachik

Satu rombongan kebudayaan dari Singapura akan mempersembahkan berbagai2 tarian kebudayaan Melayu, India dan China serta nyanyian2 yang di-sukai ramai dan lain2 achara di-Bandar Brunei pada malam 27 dan 28 April, 1962.

Rombongan itu mengandungi orang termasuk beberapa orang Pegawai dari Kementerian Kebudayaan Singapura, akan tiba di-lapangan terbang Berakas dari Kuching pada pukul 12.35 tengah hari Jumaat 27 April.

Pada malam 27 April mereka akan mengadakan persembahan di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan pada malam 28 April pula mereka akan bermain di-atas pentas yang di-bena khas di-padang besar Bandar Brunei.

Bayaran untuk menonton persembahan tersebut yang akan diadakan di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin ia-lah \$3, \$2 dan \$1.

Kutipan jualan tiket itu akan di-dermakan kelak kapada ba-

dan2 kebajikan dalam Negeri Brunei.

Orang ramai akan dapat menyaksikan persembahan rombongan kebudayaan tersebut di-padang besar Bandar Brunei dengan perchuma.

Nona Asiah dan M. Bakri, penyanyi2 yang terkenal akan mengalunkan suara mereka yang lemak merdu di-temasha persembahan rombongan kebudayaan dari Singapura itu.

Di-antara anggota2 rombongan

tersebut ia-lah Siti Mariam, Mo-samah Awi, Hasnah Hassan, Pon Bachik, Lee Kum Sing — sa-orang pemain piano yang terkemuka, Soh Eng Kong dan Kong Yek Ling.

Pancharagam2 yang akan turut bermain di-temasha tersebut ia-lah Orkest Radio Singapura dibawah pimpinan Gus Steyn, Pancharagam Persekutuan Sukan Chin Woo dan sa-buah pancharagam India yang terkenal di-Singapura.



Mossamah Awi

Sementara itu, menurut persembahan2 yang telah pun di-selenggarakan di-antara lagu2 Melayu yang akan di-nyanyikan oleh penyanyi2 tersebut ia-lah Bunga Tanjung, Menanti Pagi, Sengketa dan Damai, Budi Bahasa dan Serempang Gembira.

Di-antara tarian2 yang akan di-persembahkan di-temasha itu ia-lah Serampang Dua Belas, Mak Inang Pulau Kampai, Bunga Tanjung, Kuala Deli dan juga tarian Zapin.

Rombongan kebudayaan itu akan melawat ka-Seria dan Kuala Belait pada 28 April dan ka-kawasan Kampong Ayer, Brunei pada pagi 29 April.

Mereka akan berangkat ka-Jesselton untuk mengadakan persembahan di-sana pada tengah hari 29 April dan balek ka-Singapura dari Jesselton dengan kapal terbang pada 2 May.



Nona Asiah

Penuntut2 Baru Ka-Kota Bharu

BANDAR BRUNEI. — Dua orang wanita dan enam orang lelaki dari sekolah2 Inggeris dalam Negeri Brunei telah dipilih untuk belajar di-Maktab Perguruan Kota Bharu, Kelantan sa-lama tiga tahun atas perbelanjaan Perchuma Kerajaan Brunei.

Mereka ia-lah Dayangku Mas-munah binti Pengiran Damit dan Rosnah binti Ibrahim — dari Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Brunei. Abdul Latif bin Burut, Bidin bin Labuan, Mohamed Johari bin Mokhtar, Abdullah bin Othman dan Awangku Ibrahim bin Pengiran Abu Bakar — semua-nya dari Maktab Anthony Abell, Seria, serta Awangku Duraman bin Pengiran Baha dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

Penuntut2 tersebut akan berlepas dengan kapal terbang ka-Persekutuan Tanah Melayu pada petang hari Jumaat 27 April.

Pada masa ini sa-ramai 14 orang dari Brunei sedang belajar di-Maktab Perguruan Kota Bharu. Dengan tambahan penuntut2 yang baharu itu, sa-ramai 20 orang dari Negeri Brunei akan belajar di-maktab tersebut dalam tahun ini.

PERSATUAN BELIA SENGKURONG

SENGKURONG. — Sa-buah persatuan yang baharu telah ditubuhkan di-Kampung Sengkurong, Brunei baharu2 ini. Persatuan itu ia-lah Persatuan Belia Sengkurong.

Pendaftaran persatuan tersebut telah pun di-luluskan oleh Pegawai Pendaftaran Persatuan2 Negeri Brunei pada 4 April, 1962.

Tujuan2 persatuan tersebut ia-lah :

Menyatu padukan pemuda-pemudi yang tinggal di-kawasan Kampong Sengkurong dan mengendalikan dalam lapangan sosial, kebajikan, kesenian, kebudayaan, pelajaran pengetahuan 'am, sukan dan lain2-nya.

Persatuan itu akan juga bekerjasama dengan lain2 persa-

tuan dalam negeri ini yang mempunyai tujuan2 yang sama dengan persatuan tersebut pada bila2 masa yang di-fikirkan perlu.

Persatuan tersebut tidak-lah menghampori dalam hal ehwal siasah.

Lambang persatuan itu ia-lah buku, padi dan keris bersilang, manakala chogan kata-nya ialah

"Bersatu dan Berjasa".

Pegawai2 tetap Persatuan Belia Sengkurong yang telah dipilih baharu2 ini bagi tahun 1962 ada-lah saperti di-bawah ini :

Yang Dipertua : Inche Abdul Hamid bin Bakal (pada masa ini sedang belajar di-Kolej Islam Malaya). Naib Yang Dipertua — Inche Tanjong bin Haji Ismail.

Setia Usaha Kehormat : Inche Abd. Manaf bin Jambul. Penolong Setia Usaha Kehormat : Inche Md. Daud bin Haji Tamit.

Penyimpan Amanah : Inche Md. Yusof bin Amat. Penolong Penyimpan Amanah : Inche Bakir bin Haji Abdul Rahman.

Ketua Badan Sosial dan Kebajikan : Puan Nafsiah Haji Saman. Ketua Badan Kesenian dan Kebudayaan : Inche Abd. Jalil Abu Bakar. Ketua Badan Pelajaran dan Penerangan : Inche Serudin Haji Nasir dan Ketua Badan Sukan dan Permainan : Inche Ahmad Jailani.

Pembantu2 umom : Inche Salim Haji Saleh dan Inche Hidup bin Bunal.

Wayang Gambar Kerajaan Brunei

BANDAR BRUNEI. — Pertunjukan wayang gambar Jabatan Penerangan Kerajaan Brunei di-Daerah2 Brunei dan Tutong mulai dari hari ini hingga ka-akhir bulan ini ada-lah saperti berikut :

Hari ini di-Sekolah Melayu Sungai Hanching, Brunei. 19 April : Sekolah Melayu Benda-hara Sakam, Bunut, Brunei. 21 April : Kampong Pandai Besi "B", Brunei. 23 April : Sekolah

Melayu Baru-Baru, Brunei. 24 April : Sekolah Melayu Berbunut, Brunei. 25 April : Sekolah Melayu Batu Marang, Brunei. 26 April : Sekolah Melayu Sengkurong, Brunei. 28 April : Kampong Burong Pingai, Brunei dan 30 April di-kawasan Penjara Jerudong, Brunei.

Tiap2 pertunjukan wayang gambar tersebut akan di-mulai pada pukul 7 malam.

ASKAR2 BRUNEI BALEK 15 MAY

BANDAR BRUNEI. — Seramai 261 orang bakal2 Askar Melayu Brunei yang sekarang ini sedang berlatih di-Pusat Latihan Askar Melayu Diraja Persekutuan Tanah Melayu di-Port Dickson akan tiba di-Brunei dengan kapal laut dari Singapura pada 15 May hadapan kerana berchuti.

Bakal2 Askar itu akan berangkat sa-mula ka-Persekutuan Tanah Melayu pada 11 June untuk meneruskan latihan di-Perkhemahan Segenting berhampiran Port Dickson.

Berita lanjut berkenaan dengan bakal2 Askar Melayu tersebut akan di-siarkan dalam PELITA BRUNEI keluaran 2 May, 1962.



Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara telah berangkat ka-Mekah dengan kapal laut pada 2 April, 1962. Gambar ini di-ambil di-atas kapal Bolkiah pada masa do'a selamat sedang di-bacakan sa-belum Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara (di-tengah — memakai tali leher) dan lain2 bakal2 Haji dari Brunei berangkat ka-Tanah Suchi.

MELAWAT BRUNEI

BERAKAS.—Satu rombongan sa-ramai 25 orang pelawat bangsa Amerika telah tiba di-Brunei dengan kapal terbang pada petang hari Ithnin 9 April, 1962 sa-lepas melawat ka-Hong Kong dan Jesselton.

Ketua rombongan tersebut Doktor William G. Campbell berkata bahawa sa-lama dua bulan rombongan itu telah melawat ka-beberapa buah negeri, di-antaranya ia-lah Hawaii, Negeri Jepun, Formosa, Australia dan New Zealand.

Para pelawat tersebut telah berlepas ka-Kuching dengan kapal terbang pada petang hari Thalatha 10 April.

Sa-masa berada di-Brunei, mereka telah melawat ka-Mesjid Omar Ali Saifuddin, Kampong Ayer, tempat pertukangan perak dan ka-lain2 tempat.

ISTIADAT2 MENYAMPAIKAN PERISAI2 KURNIAAN D.Y.M.M.

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Sapar telah menyampaikan perisai2 kedatangan murid2 dalam tahun 1961 yang di-kurniakan oleh Duli2 Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Raja Isteri kepada Sekolah Melayu Sungai Liang, Daerah Belait dan kepada Sekolah Melayu Bukit

Udal, Daerah Tutong pada hari Ahad yang lalu.

Pada hari itu juga Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Mohamed telah menyampaikan perisai2 kedatangan tersebut kepada Sekolah Melayu Sungai Besar, Bahagian Brunei Dua serta kepada Sekolah Melayu Puni, Daerah Temburong.

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha akan menyampaikan perisai2 kedatangan tersebut kepada Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bahagian Brunei Satu pada pukul 9 pagi hari Khamis 19 April, 1962.

Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Dato Paduka Haji Mohamed Salleh pula akan menyampaikan perisai2 kedatangan yang terma'lom kepada Sekolah Melayu Lela Menchanai, Kampong Ayer, Brunei pada pukul 11 pagi hari Khamis 19 April, 1962.



Doktor Pittar

Doktor D.J. Pittar dari Australia yang telah tiba di-Brunei baharu2 ini untuk berkhidmat dengan Rumah Sakit Besar.

Bakal2 Pulis

BANDAR BRUNEI. — Dua puluh orang pemuda telah di-pilih untuk menjadi bakal2 pulis Brunei.

Mereka akan pergi ka-Kuala Lumpur tidak berapa lama lagi untuk berlatih di-sana sa-lama 8 atau 9 bulan.

Ini-lah rombongan pertama bakal2 pulis Brunei yang akan di-hantarkan untuk berlatih di-Persekutuan Tanah Melayu dalam tahun ini. Demikian menurut keterangan Pemangku Pesuruhjaya Pulis Negeri Brunei, Inche David Forrer.

AHLI2 BAHARU M.M.N. BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Enam orang Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri Brunei yang baharu telah mengangkat sumpah sa-belum Majlis Meshuarat Negeri itu ber-sidang pada hari Ithnin 16 April, 1962.

Beliau2 itu ia-lah Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Raja Azam bin Raja Kamarul-zaman; Yang Berhormat Pegawai Pelajaran Negara, Inche M. McInnes; Yang Berhormat Inche A.M. Azahari; Yang Berhormat Inche Othman bin Bidin; Yang Berhormat Orang Kaya Setia Haji Abdul Rahim bin Akim dari Temburong dan Yang Berhormat Pehin Dato Temang-gong Lim Cheng Choo.



Sa-rombongan 25 orang pelawat bangsa Amerika telah melawat ka-Brunei pada 9 April, 1962 sa-lepas mengunjungi ka-beberapa buah negara. Para pelan-chong itu kelihatan dalam gambar ini di-lapangan terbang Berakas pada masa mereka tiba dari Jesselton. Berdiri di-kanan sa-kali memakai baju dan seluar — berwarna hitam ia-lah Doktor William G. Campbell, ketua rombongan tersebut.

LAWATAN KEDUA WAKIL B.B.



Inche A. Vaidyanathan, Timbalan Perwakilan Daerah Lembaga Perbantuan Teknik Bangsa2 Bersatu dan Derma Khas bagi Tenggara Asia, telah melawat ka-Brunei pada 12 April, 1961 dari Singapura. Beliau telah berangkat ka-Jesselton dengan kapal terbang pada 14 April. Ini-lah kali yang kedua Inche Vaidyanathan melawat ka-Brunei. Beliau telah mulai melawat negeri ini dalam bulan October tahun lepas. Dalam masa lawatan-nya itu Inche Vaidyanathan telah mengadakan perundingan dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei; Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Inggeris di-Brunei; Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan dan juga dengan beberapa orang Pegawai Kanan Kerajaan Brunei mengenai perbantuan teknik Bangsa2 Bersatu kepada negeri ini pada masa hadapan. Inche Vaidyanathan kelihatan dalam gambar ini pada masa beliau mendarat di-lapangan terbang Berakas pada 12 April. Beliau telah di-sambut oleh Inche Sa'ad bin Marzuki, Pesuruhjaya Perkembangan Negeri Brunei (kanan) dan Doktor J.S. Gould, Penasehat Ekonomik Bangsa2 Bersatu di-Brunei (kiri).